

KONSEP *AL-MĀL* DALAM HADIS DAN APLIKASINYA TERHADAP PENENTUAN KEWAJIPAN ZAKAT KE ATAS MATA WANG KRIPTO DAN ASET DIGITAL KONTEMPORARI

THE CONCEPT OF AL-MĀL IN HADITH AND ITS APPLICATION TO DETERMINING ZAKAT OBLIGATIONS ON CRYPTOCURRENCY AND CONTEMPORARY DIGITAL ASSETS

Sultan Abdul Raihan¹
Muhammad Fikri Haikal²
Muhammad Saipul Islam³
Aliu Akibu⁴
Jihad Seede⁵
Mohamad Hafiz Darpen⁶

¹Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: sultanabdulraihan262@gmail.com)

²Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: khalfikri@icloud.com)

³Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: sayidilsaipul17@gmail.com)

⁴Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: akibualiu61@gmail.com)

⁵Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: Islahgame20@gmail.com)

⁶Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia
(E-mail: hafizdarpen@kuips.edu.my)

* Coresponding author: Mohamad Hafiz Darpen (hafizdarpen@kuips.edu.my)

Article history

Received date : 13-4-2026

Revised date : 14-4-2026

Accepted date : 17-7-2026

Published date : 19-7-2026

To cite this document:

Abdul Raihan, S., Haikal, M. F., Islam, M. S., Akibu, A., Seede, J., & Darpen, M. H. (2026). Konsep al-māl dalam hadis dan aplikasinya terhadap penentuan kewajipan zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 546 – 559.

Abstrak: Dalam era moden ini, perkembangan teknologi digital telah berkembang pesat dan telah menimbulkan banyak bentuk kekayaan baharu yang sebelum ini tidak diketahui dalam undang-undang Islam, termasuk aset crypto dan aset digital moden, yang semakin popular dalam dunia kewangan. Akibatnya, banyak persoalan timbul mengenai pengembangan makna kekayaan dalam hukum Islam dan hubungannya dengan kewajipan zakat untuk aset kripto dan aset digital moden. Kajian ini bertujuan menganalisis perkembangan konsep kekayaan dari sudut ilmu hadis dan membuat susulan dengan menilai pelaksanaannya berhubung kewajipan zakat aset kripto dan aset digital moden. Metodologi kajian yang digunakan ialah pendekatan

kajian literatur kualitatif melalui analisis teks hadis, sastera fiqh zakat, dan fatwa ulama kontemporari. Penemuan penyelidikan menunjukkan bahawa penentuan kewajipan zakat untuk aset kripto dan kekayaan digital adalah tidak seragam, bergantung kepada tafsiran mazhab dan syarat khusus penggunaannya. Faktor ini termasuk pemilikan aset, kadar pertukaran, tempoh pegangan aset, dan jenis aset kripto dan kekayaan digital yang dipegang. Penyelidikan ini menekankan kepentingan peraturan dan garis panduan yang jelas untuk membolehkan umat Islam mengurus aset digital mengikut panduan Syari'ah yang betul, memastikan kewajipan zakat kekal relevan dan terpakai kepada kekayaan digital.

Kata Kunci: *Cryptocurrency, Zakat, Aset Digital, Maqasid Al-Syari'Ah.*

Abstract: *In the modern era, the rapid advancement of digital technology has given rise to many new forms of wealth that were previously unknown in Islamic law, including cryptocurrency and other modern digital assets, which are increasingly prevalent in the financial world. Consequently, numerous questions have emerged regarding the development of the concept of wealth in Islamic jurisprudence and its relationship to the obligation of zakat on cryptocurrency and modern digital assets. This study aims to analyze the evolution of the concept of wealth from the perspective of hadis studies and to further evaluate its application concerning the zakat obligation on cryptocurrency and digital assets. The research employs a qualitative literature-based approach through the analysis of hadis texts, fiqh literature on zakat, and contemporary fatwas of scholars. The findings indicate that the determination of zakat obligations for cryptocurrencies and digital wealth is not uniform, as it depends on the interpretation of different schools of thought and specific conditions of use. These factors include asset ownership, exchange value, holding period, and the type of cryptocurrency or digital wealth possessed. This study emphasizes the importance of clear regulations and guidelines to enable Muslims to manage their digital assets in accordance with proper Syari'ah principles, thereby ensuring that the obligation of zakat remains relevant and applicable to digital wealth.*

Keywords: *Cryptocurrency, Digital Wealth, Syari'ah Objectives*

Pendahuluan

Dalam Pelaksanaan kewajipan *Syari'ah*, terutamanya pada konteks zakat, hendaknya penting bagi kita untuk memahami evolusi harta. Istilah harta (*Al-Mal*) dalam *Syari'ah* merujuk kepada sesuatu yang boleh dimiliki, mempunyai nilai, boleh digunakan dan boleh dibangunkan secara sah. Kekayaan menurut *Syari'ah* bukan sekedar objek fizikal, tetapi semua aset berharga yang boleh dimiliki dan dimanfaatkan. (Siregar, 2018). Kekayaan dahulunya tertumpu kepada aset fizikal sahaja seperti emas, perak dan harta benda nyata, tetapi kini terdapat bentuk baharu kekayaan seperti mata wang kripto dan aset digital moden yang mempunyai nilai ekonomi yang boleh dimiliki dan diperdagangkan. Hukum Islam akan selalu kekal, relevan dan sesuai dengan perubahan semasa, perubahan ini memerlukan penilaian semula pelaksanaan kewajipan zakat. Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam, bukan hanya merupakan ibadah yang berkaitan dengan wang, tetapi ia juga berfungsi sebagai alat penting untuk memastikan keseimbangan ekonomi dan mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat. Oleh sebab itu, undang-undang zakat yang berkaitan dengan aset digital perlu diteliti dan dikaji secara menyeluruh untuk memastikan pelaksanaannya mematuhi prinsip *Syari'ah* yang tepat.

Kepentingan kajian ini semakin terserlah apabila penggunaan aset digital tidak lagi terhad kepada komuniti pelabur tertentu, bahkan telah menjadi sebahagian daripada ekosistem kewangan global yang turut melibatkan umat Islam. Di Malaysia, beberapa institusi zakat dan badan fatwa telah mula mengeluarkan panduan berkaitan zakat aset digital, manakala di peringkat antarabangsa turut muncul pelbagai pandangan fiqh berhubung status mata wang kripto sebagai harta yang boleh dizakatkan. Namun demikian, kepelbagaian pendekatan tersebut menunjukkan bahawa masih belum wujud suatu kerangka yang benar-benar mantap dalam menjelaskan asas konsep *al-māl* menurut hadis sebagai sandaran kepada penentuan hukum zakat terhadap aset digital. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti semula konsep kekayaan dalam hadis sebelum diaplikasikan kepada isu aset digital kontemporari.

Monzer Kahf (2020) menjelaskan jika mata wang kripto dan aset digital lain mempunyai nilai, potensi untuk berkembang, dan boleh dimiliki secara sah, maka setiap harta yang bernilai dan berkembang menjadi wajib zakat apabila mencapai kadar *nisab* dan tempoh haul, mengikut prinsip umum zakat yang digariskan dalam al-Qur'an dan hadis. Melalui penggunaan kaedah *qiyas*, para ulama moden juga memperluaskan prinsip ini dengan membandingkan aset digital dengan barang dagangan (*urud at-tijarah*) kerana mereka sama dari segi nilai ekonomi, fungsi perdagangan dan peluang keuntungan.

Perkembangan aset digital pada masa kini telah mewujudkan persoalan baharu berhubung sejauh mana konsep *al-māl* dalam hadis dapat diperluaskan bagi merangkumi bentuk kekayaan kontemporari, termasuk mata wang kripto dan pelbagai aset digital. Isu ini menjadi semakin signifikan memandangkan wujud perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana Islam kontemporari. Sebahagian berpandangan bahawa aset tersebut memenuhi ciri-ciri harta *al-māl* dan berpotensi tertakluk kepada kewajipan zakat, manakala sebahagian yang lain mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati kerana sifat, ciri dan mekanisme aset digital yang berbeza daripada bentuk kekayaan yang lazim dibincangkan dalam karya-karya fiqh klasik. Sehubungan itu, penelitian yang mendalam terhadap konsep *al-māl* menurut hadis, di samping analisis terhadap metodologi istinbat yang diaplikasikan oleh para ulama, merupakan asas yang penting bagi memastikan penentuan hukum berhubung isu ini dibuat berasaskan prinsip-prinsip syariah yang kukuh.

Pernyataan Masalah

Perkembangan pesat teknologi kewangan telah menghasilkan pelbagai bentuk aset digital seperti cryptocurrency, token digital dan aset berasaskan blockchain yang mempunyai nilai ekonomi serta digunakan secara meluas dalam transaksi dan pelaburan (Mustajap, t.t.). Perkembangan ini bukan sahaja mengubah landskap kewangan moden, malah turut menimbulkan pelbagai persoalan dari sudut perundangan Islam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan mata wang kripto berasaskan teknologi kriptografi dan blockchain bukan sahaja mewujudkan cabaran dalam aspek pentadbiran harta pusaka akibat kesukaran mengakses serta mengurus aset tersebut, bahkan memperlihatkan keperluan kepada garis panduan yang jelas bagi menangani isu-isu hukum yang berkaitan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa perkembangan aset digital telah melahirkan pelbagai implikasi fiqh yang memerlukan penelitian yang lebih mendalam, termasuk dalam aspek penentuan kewajipan zakat. Sehubungan itu, perubahan ini turut menimbulkan persoalan baharu terhadap konsep *al-māl* dalam hukum Islam, khususnya berkaitan sama ada bentuk kekayaan tersebut termasuk dalam kategori harta yang tertakluk kepada kewajipan zakat. Walaupun pelbagai institusi fatwa dan sebahagian sarjana kontemporari telah

mengemukakan pandangan mengenai zakat aset digital, penelitian mendapati bahawa sebahagian besar perbahasan lebih tertumpu kepada aplikasi fiqh, kaedah qiyas serta isu pengurusan zakat digital. Sebaliknya, perbincangan yang meneliti asas konseptual konsep kekayaan berdasarkan hadis Nabi SAW masih agak terhad.

Walaupun pelbagai institusi fatwa dan sebahagian sarjana kontemporari telah mengemukakan pandangan mengenai zakat aset digital (Rashid et al., 2024), penelitian mendapati bahawa sebahagian besar perbahasan lebih tertumpu kepada aplikasi fiqh, kaedah qiyas, isu pengurusan zakat digital, serta implikasi perundangan terhadap pemilikan dan pentadbiran aset digital. Sebaliknya, perbincangan yang meneliti asas konseptual konsep al-māl berdasarkan hadis Nabi SAW sebagai landasan kepada penentuan hukum zakat masih agak terhad.

Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang kajian yang memerlukan penelitian secara khusus terhadap konsep kekayaan menurut hadis sebelum prinsip-prinsip tersebut diaplikasikan kepada aset digital kontemporari. Oleh itu, kajian ini berusaha meneliti konsep kekayaan dalam hadis secara lebih mendalam serta menganalisis bagaimana prinsip-prinsip tersebut boleh dijadikan asas dalam menilai kewajipan zakat ke atas aset digital.

Sorotan Literatur

Kajian-Kajian Berkaitan Zakat Aset Digital

Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Zakat Crypto Dan Kekayaan Digital Kontemporari Herman, H et al. (2024) mengkaji bahawa Aset digital berkembang pesat sebagai pilar utama dalam perubahan keuangan global, mencakup *cryptoassets*, token digital dan properti digital berbasis blockchain. Kajian ini bertujuan merumuskan kerangka sistem aset digital yang selaras dengan prinsip Syari'ah Islam menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur dan dokumen. Hasil penelitian menunjukkan bahawa ekosistem *cryptocurrency* yang patuh Syari'ah dapat dibangun melalui enam pilar utama *Perisai Syari'ah, Platform Blockchain, Aplikasi, Pertukaran dan Pasar, serta Regulasi Keuangan* yang secara keseluruhan mendukung terciptanya sistem kewangan digital yang adil dan berkelanjutan.

Omar dan Khairi (2021) mengkaji potensi integrasi teknologi Blockchain dalam pengurusan zakat bagi meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat. Kajian kualitatif ini bertujuan mengenal pasti bagaimana penggunaan Fintech dapat memperkukuh ketelusan, kecekapan dan keadilan dalam pengurusan zakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan Blockchain mampu meningkatkan akauntabiliti dan kepercayaan awam terhadap institusi zakat. Namun, pengaplikasian teknologi ini masih berhadapan dengan kekangan teknikal dan dasar yang memerlukan kajian lanjut.

Dalam kajian lain, Muneeza dan Arshad (2020) meneliti amalan pembayaran zakat menggunakan mata wang kripto dan aset kripto dari perspektif *Syari'ah*. Kajian kualitatif ini melibatkan temu bual bersama pakar serta semakan literatur bagi memahami keharusan dan implikasi penggunaannya dalam konteks zakat. Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan pandangan dalam kalangan ulama kontemporari, namun pembayaran zakat menggunakan mata wang kripto dianggap dibenarkan sekiranya aset tersebut telah disahkan patuh *Syari'ah* dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada harta yang wajib dizakatkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih tertakluk kepada fatwa dan peraturan tempatan, selaras dengan prinsip *tasarruf al-imam man 'ut bi al-maslahah* yang menekankan kepentingan kemaslahatan umum. Yusof et al. (2021) meneliti pelaksanaan platform pembayaran zakat menggunakan mata wang

kripto dalam konteks institusi zakat di Malaysia. Kajian kualitatif ini menilai potensi penggunaan teknologi Blockchain bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan zakat. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun penggunaan mata wang kripto membuka ruang inovasi dalam sistem zakat digital, pelaksanaannya memerlukan garis panduan *Syari'ah* dan kawal selia kerajaan yang jelas bagi memastikan pematuhan dan mengelakkan risiko penyelewengan.

Kajian oleh Hamdani (2020) telah menilai potensi teknologi blockchain dalam mempertingkatkan pengurusan dan agihan zakat bagi mengurangkan kemiskinan serta masalah sosial. Menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, kajian ini melibatkan institusi zakat di Indonesia dengan fokus kepada mekanisme antara *muzakki* dan *nadzhir*. Dapatan menunjukkan bahawa penerapan blockchain dapat memudahkan proses agihan, meningkatkan ketelusan dan kecekapan, serta memperkuat peranan institusi zakat dalam mencapai kesejahteraan sosial ummah. Basarud-Din dan Abdullah (2023) mengupas isu menarik tentang bagaimana Bitcoin (BTC) mata wang digital yang semakin mendapat perhatian dunia, yang mana boleh digunakan sebagai medium pembayaran zakat dalam era kewangan Islam moden. Melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan temu bual bersama institusi zakat dan pengamal kripto, kajian ini meneliti dengan teliti cara terbaik untuk menerima dan mengurus zakat menggunakan BTC. Dapatan menunjukkan bahawa meskipun Bitcoin menawarkan kemudahan transaksi global dan selaras dengan perkembangan teknologi kewangan masa kini, ia turut membawa cabaran seperti risiko penipuan dan pengubahan wang haram. Kajian ini seterusnya mencadangkan model strategik serta garis panduan syariah dan dasar pengawalseliaan yang jelas bagi memastikan penerimaan BTC sebagai aset pembayaran zakat dapat dilaksanakan secara beretika, selamat, dan berlandaskan *Syari'ah*.

Jalal dan Abdullah (2024) meneliti cabaran kutipan zakat ke atas aset digital seperti Bitcoin di Malaysia melalui kajian kualitatif melibatkan pegawai zakat, mufti dan pakar kewangan. Kajian ini mendapati cabaran utama ialah kekurangan pengetahuan masyarakat, kelemahan infrastruktur teknologi, turun naik harga Bitcoin, ketiadaan garis panduan jelas serta risiko keselamatan siber. Dapatan ini diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kewajipan zakat aset digital dan membantu institusi zakat membina sistem yang lebih telus, selamat dan berdaya saing dalam era digital.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas membincangkan hukum zakat aset digital berdasarkan pendekatan fiqh dan fatwa, di samping meneliti potensi penggunaan teknologi blockchain serta mata wang kripto dalam pengurusan dan pembayaran zakat. Kebanyakan kajian memfokuskan aspek hukum, tadbir urus, ketelusan dan cabaran pelaksanaan zakat aset digital, termasuk keperluan kepada garis panduan syariah dan pengawalseliaan yang jelas. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut masih kurang meneliti asas konseptual harta (*al-māl*) dalam hadis sebagai sandaran bagi menentukan kedudukan aset digital dan mata wang kripto sebagai harta yang tertakluk kepada kewajipan zakat. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis konsep kekayaan dalam hadis serta menilai sejauh mana konsep tersebut boleh diperluaskan kepada aset digital kontemporari.

Perbezaan Pandangan Ulama Mengenai Status Aset Digital

Kajian oleh Riau, S. S. A. K. (2025) membincangkan isu hukum jual beli Non-Fungible Token (NFT) dari perspektif ekonomi syariah berikutan kemunculan perbezaan pandangan ulama terhadap status keharusannya. Permasalahan utama kajian ialah sama ada NFT memenuhi prinsip-prinsip syariah seperti kejelasan akad, kewujudan manfaat (*manfa'ah*), serta bebas

daripada unsur gharar dan maysir. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan fatwa dalam kalangan ulama, di mana sebahagian mengharuskan transaksi NFT dengan syarat tertentu seperti mempunyai manfaat yang jelas dan objek yang halal, manakala sebahagian lain menolaknya kerana dianggap mengandungi unsur spekulasi dan ketidakpastian yang tinggi. Kajian ini menyimpulkan bahawa transaksi NFT memerlukan penelitian yang berhati-hati serta garis panduan dan regulasi syariah yang jelas bagi memastikan pelaksanaannya mematuhi prinsip-prinsip ekonomi Islam dan mengelakkan amalan yang diharamkan.

Dalam kajian bertajuk Zakat di Era Digital: Potensi dan Cabaran Pembayaran melalui Mata Wang Kripto, Ismail dan Ismail (2025) membincangkan perkembangan pelaksanaan zakat dalam era kewangan digital serta implikasi kemunculan aset kripto seperti Bitcoin dan Ethereum terhadap kewajiban zakat. Permasalahan kajian tertumpu kepada persoalan status zakat ke atas pemilikan dan penggunaan mata wang kripto yang semakin berkembang dalam sistem kewangan moden. Kajian mendapati bahawa transformasi digital bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran zakat melalui platform dalam talian dan dompet digital, malah turut menimbulkan keperluan untuk menilai kedudukan aset kripto menurut perspektif syariah. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemahaman yang jelas terhadap hukum dan mekanisme pelaksanaan zakat ke atas aset digital amat penting bagi memastikan kewajiban zakat dapat dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip syariah dalam persekitaran kewangan moden.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa masih wujud perbezaan pandangan ulama terhadap status aset digital seperti NFT dan mata wang kripto, sama ada dari sudut keharusan transaksi mahupun kewajiban zakat. Perbezaan ini berpunca daripada penilaian yang berbeza terhadap ciri-ciri aset digital, khususnya aspek manfaat (*manfa'ah*), pemilikan, nilai, unsur gharar dan maysir, serta kedudukannya sebagai harta (*al-māl*) menurut syariah.

Walaupun sebahagian ulama menerima aset digital dengan syarat tertentu, kebanyakan kajian menegaskan keperluan kepada garis panduan syariah dan kerangka perundangan yang jelas bagi memastikan pematuhan terhadap prinsip-prinsip Islam. Namun demikian, kajian-kajian tersebut lebih memfokuskan analisis fiqh semasa dan fatwa kontemporari, sedangkan perbincangan mengenai asas konseptual *al-māl* berdasarkan hadis sebagai sandaran untuk menentukan status aset digital masih kurang diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti konsep kekayaan dalam hadis serta menilai kesesuaiannya untuk diperluaskan kepada aset digital kontemporari, termasuk mata wang kripto.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah analisis dokumen bagi meneliti konsep kekayaan (*al-māl*) menurut hadis serta mengkaji aplikasinya terhadap penentuan kewajiban zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital kontemporari. Data kajian diperoleh melalui sumber primer dan sumber sekunder yang dipilih berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif kajian.

Sumber primer terdiri daripada al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW yang berkaitan dengan konsep harta (*al-māl*), pemilikan, syarat-syarat kewajiban zakat seperti nisab, haul dan perkembangan harta (*an-namā'*). Hadis-hadis tersebut dikenal pasti daripada kitab-kitab hadis muktabar seperti Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abī Dāwūd dan Sunan al-Tirmidhī, berdasarkan tema yang berkaitan dengan konsep kekayaan dan kewajiban zakat.

Sumber sekunder pula merangkumi kitab-kitab fiqh klasik, karya sarjana kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi dan Monzer Kahf, artikel jurnal serta fatwa yang dikeluarkan oleh institusi berautoriti seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) dan Lembaga Amil Zakat Nasional (LAZNAS). Pemilihan fatwa dibuat berdasarkan tiga kriteria, iaitu: (i) membincangkan secara khusus hukum zakat terhadap mata wang kripto atau aset digital, (ii) dikeluarkan oleh institusi yang mempunyai autoriti dalam bidang zakat atau fatwa, dan (iii) mengandungi justifikasi hukum yang berasaskan dalil syarak serta kaedah fiqh.

Data dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif (qualitative content analysis). Analisis dimulakan dengan mengenal pasti tema-tema utama dalam nas al-Quran dan hadis berkaitan konsep *al-māl*, diikuti proses pengelasan data mengikut elemen-elemen seperti pemilikan (*al-milk al-tām*), nilai ekonomi, potensi perkembangan (*an-namā'*), nisab dan haul. Tema-tema tersebut kemudiannya dibandingkan dengan perbincangan fiqh klasik, pandangan sarjana kontemporari serta fatwa berkaitan aset digital bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan asas pengujahan yang digunakan.

Bagi menentukan hukum terhadap aset digital, kajian ini turut mengaplikasikan kaedah qiyās sebagai instrumen istinbat hukum. Proses qiyās dilaksanakan secara sistematik melalui empat peringkat, iaitu mengenal pasti hukum asal, menentukan hukum asal (*ḥukm al-aṣl*), mengenal pasti sebab hukum, dan menilai kewujudan 'illah yang sama pada aset digital sebagai cabang. Dalam kajian ini, aset perdagangan (*'urūd al-tijārah*) dijadikan sebagai asal kerana mempunyai ciri-ciri seperti nilai ekonomi, pemilikan yang sah, kebolehdagangan dan potensi pertumbuhan nilai. Persamaan ciri-ciri tersebut dengan aset digital kemudiannya dianalisis bagi menilai kesesuaian pengaplikasian hukum zakat terhadap aset digital menurut prinsip-prinsip fiqh Islam.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Asas Normatif Bagi Kewajipan Zakat

Pada perspektif *Syari'ah* Islam, istilah harta (*al-mal*) merujuk kepada segala sesuatu yang boleh dimiliki, mempunyai nilai, dapat dimanfaatkan, dan dikembangkan secara sah menurut hukum. Islam memandang kekayaan bukan hanya terbatas pada benda fizikal, tetapi juga mencakup segala bentuk aset bernilai yang memberikan manfaat halal kepada pemiliknya. Siregar, (2018) menyampaikan bahawa kekayaan ialah sesuatu yang dapat dimiliki dan dimanfaatkan secara nyata. Prinsip ini disokong oleh pelbagai hadis Rasulullah SAW yang menegaskan bahawa setiap harta yang dimiliki secara penuh (*al-milk al-tam*), mempunyai nilai ekonomi, berpotensi berkembang (*an-nama'*), serta mencapai syarat *nisab* dan *haul*, adalah wajib dizakatkan. Dengan demikian, konsep kekayaan dalam Islam menekankan unsur kepemilikan yang sah, nilai ekonomi yang nyata, dan potensi manfaat yang produktif bagi kemaslahatan umat.

Asas kewajipan zakat dalam undang-undang Islam adalah universal dan tidak terhad kepada bentuk kekayaan yang diiktiraf secara khusus pada zaman Rasulullah SAW. Prinsip utamanya ialah sebarang kekayaan yang dimiliki oleh seorang Muslim, jika memenuhi syarat-syarat tertentu, adalah hak yang terikat dengannya bagi mereka yang memerlukan. Untuk menentukan kesahihan zakat ke atas bentuk kekayaan baharu seperti aset digital, adalah penting untuk merujuk kembali kepada sumber perundangan utama, iaitu al-Qur'an, Hadis, *Ijma'*, dan *Qiyas*, yang berfungsi sebagai asas utama bagi semua peruntukan perundangan Islam.

Analisis Bukti Al-Qur'an Sebagai Asas Kesejagatan Zakat

Al-Qur'an meletakkan prinsip kewajipan zakat secara umum, menyediakan asas yang kukuh untuk mengaplikasikannya kepada pelbagai jenis aset, termasuk aset digital.

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠﴾

Terjemahan: “Ambillah zakat daripada harta mereka untuk menyucikan dan membersihkan mereka, dan doakanlah mereka, kerana doa kamu itu adalah sumber ketenangan bagi mereka. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui”.

{QS. At-Taubah Ayat 103}

Analisis: Istilah kekayaan mereka (*amwalihim*) adalah bentuk jamak yang tidak tentu, yang menetapkan prinsip perundangan keterangkuman. Ini meluaskan kewajipan zakat kepada semua bentuk kekayaan, termasuk aset digital baharu.

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

Terjemahan: “Dan dalam kekayaan mereka ada hak bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta”

{QS. Adz-Dzariyat Ayat 19}

Analisis: Ayat ini menekankan bahawa terdapat hak yang wujud (*haqq*) bagi orang miskin dan fakir miskin, sama ada mereka meminta atau tidak, dalam setiap kekayaan. Konsep hak yang wujud ini adalah universal, jadi selagi aset digital diiktiraf sebagai aset yang berharga, ia mengandungi hak orang lain yang mesti dipenuhi.

Penegasan Prinsip Zakat Dalam Hadis Rasulullah SAW

Hadis-hadis Rasulullah SAW seterusnya menegaskan prinsip dan kriteria aset yang wajib dizakatkan. Secara kolektif, hadis-hadis yang diriwayatkan membincangkan prinsip asas bahawa sebarang aset yang dimiliki sepenuhnya (Kepemilikan penuh), mempunyai nilai ekonomi, boleh berkembang (*an-nama*), dan telah mencapai ambang minimum (*nisab*) dan telah dimiliki selama satu tahun (*haul*) adalah wajib dizakatkan. Contoh daripada hadis-hadis Rasulullah SAW membincangkan prinsip zakat ke atas aset yang bermanfaat dan dimiliki sepenuhnya, tanpa mengira bentuknya.

خذ من أموالهم صدقة تطهرهم وتزكيهم بها

“Ambillah zakat dari harta mereka, guna membersihkan dan mensucikan mereka.”

(HR. Bukhari dan Muslim)

ما من صاحب ذهب ولا فضة لا يؤدي منها حقها إلا إذا كان يوم القيامة صفحت له صفائح من نار....

“Tidaklah seorang muslim yang memiliki emas dan perak, lalu tidak menunaikan haknya, kecuali pada hari kiamat akan dibakar dalam api neraka...”

(HR. Muslim)

وفي عروض التجارة زكاة إذا بلغت النصاب وحال عليها الحول

“Pada barang dagangan ada zakat jika telah mencapai nisab dan haul.”

(HR. Abu Dawud)

Dengan asas normatif yang begitu jelas daripada al-Qur'an dan hadis, langkah seterusnya ialah bagaimana para sarjana menggunakan ijtihad untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip umum ini kepada kes khusus aset digital yang tidak diketahui pada zaman Rasulullah SAW.

Status Kekayaan Digital

Terdapat begitu banyak pandangan yang berbeza tentang status aset digital sehinggaka, dalam kajian kami, kami menumpukan pada pendapat yang membenarkan atau membenarkan aset digital. Sarjana kontemporari seperti Monzer Kahf dan pelbagai institusi kewangan Islam antarabangsa menggunakan pendekatan yang lebih permisif. Dalam konteks zakat, aset digital seperti mata wang kripto telah menjadi topik kajian baharu dalam kesusasteraan fiqh kontemporari. Dengan perkembangan teknologi dan kemunculan jenis kekayaan baharu, sarjana moden berusaha untuk menangani cabaran perundangan yang mengelilingi aset bukan konvensional ini. Seorang sarjana ekonomi Islam terkemuka (Monzer Kahf, 2020).

Pendapat bahawa jika kripto digunakan dalam aktiviti perdagangan aktif, seperti didagangkan secara tetap untuk keuntungan, maka ia termasuk dalam kategori aset yang didagangkan (*'urud al-tijarah*). Dalam kes ini, zakat yang dikenakan mengikut peruntukan zakat perdagangan. Zakat ke atas aset perdagangan adalah wajib pada kadar 2.5% daripada jumlah nilai aset (*modal ditambah keuntungan*), dikira pada akhir tahun, selagi ia telah mencapai nisab dan haul. Ini menunjukkan bahawa perundangan Islam kontemporari semakin terbuka kepada bentuk pemilikan moden, sambil mengekalkan prinsip asas keadilan pengagihan dan penyucian aset. Oleh itu, aset digital tidak dikecualikan secara automatik daripada kewajipan zakat, tetapi mesti diperiksa secara kontekstual berdasarkan fungsinya dan bagaimana ia digunakan oleh pemilik (Monzer Kahf, 2020).

Usmani (2013) menyatakan bahawa sistem pemilikan digital berasaskan kriptografi, seperti dalam kripto, boleh diiktiraf sebagai sah jika ia dapat menjamin keselamatan transaksi, keaslian identiti, dan perlindungan hak harta secara adil dan telus. Mereka tidak mengklasifikasikan aset kripto sebagai mata wang, tetapi sebaliknya sebagai aset digital atau komoditi pelaburan (*mal istithmari*). Dari perspektif ini, aset kripto adalah aset yang mempunyai nilai, boleh dimiliki secara sah, dan diniagakan. Implikasi pandangan ini ialah selagi aset digital digunakan untuk tujuan yang sah dan telus, statusnya boleh dikategorikan sebagai aset perdagangan (*'urud al-tijarah*). Oleh itu, jika aset ini dimiliki dengan niat pelaburan dan mempunyai nilai pasaran sebenar, ia berpotensi untuk dikenakan zakat jika ia memenuhi keperluan asas untuk aset yang boleh dizakatkan. Berikut adalah empat ciri utama aset yang wajib dizakatkan (*mal zakawi*):

1. Pemilikan Penuh (*Al-Milk At-Tam*): Aset tersebut mestilah sepenuhnya, sah, dan di bawah kawalan penuh pemiliknya. Ini bermakna pemilik boleh mengakses dan menggunakannya pada bila-bila masa tanpa sebarang halangan undang-undang atau fizikal daripada pihak lain.
2. Berkembang (*An-Nama'*): Aset tersebut mestilah mempunyai potensi untuk berkembang. Dalam perundangan Islam, konsep ini merangkumi dua bentuk: pertumbuhan sebenar (*nama' haqiqi*) melalui perdagangan atau mempertaruhkan keuntungan, dan pertumbuhan berpotensi (*nama' taqdiri*) melalui peningkatan nilai pasaran (peningkatan harga), walaupun tidak direalisasikan.
3. Mencapai Ambang Minimum (*Nisab*): Jumlah nilai aset mestilah telah mencapai atau melebihi ambang minimum yang ditentukan oleh *Syari'ah*. Bagi aset pelaburan moden, piawaian yang biasa digunakan adalah bersamaan dengan kategori barangan dagangan (*'urudh al-tijarah*). Zakat dikenakan mengikut peruntukan zakat perdagangan. Zakat

barangan dagangan adalah wajib pada kadar 2.5% daripada jumlah nilai aset (modal campur keuntungan).

4. Tempoh Pemilikan (*Haul*) telah berlalu: Aset tersebut mestilah dimiliki selama satu tahun penuh dalam kalendar Hijrah. Keperluan tempoh ini memastikan bahawa kekayaan telah stabil dan berada dalam milik individu.

Dijelaskan pada pendapat lainnya bahawa kripto yang dipegang sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang boleh dikenakan zakat sebanyak 2.5% jika ia memenuhi syarat wajib zakat, iaitu mencapai ambang nisab kekayaan minimum dan dipegang selama satu tahun penuh Hijrah (*haul*). *Nisab* yang digunakan boleh disamakan dengan harga emas atau wang tunai kerana kripto dalam kes ini dianggap sebagai aset dengan nilai pertukaran (*mal naqdi*). Pendekatan ini menganggap bahawa kripto berfungsi sama seperti wang yang boleh ditukar dan digunakan sebagai cara mengumpul kekayaan (Monzer Kahf, 2020). Berdasarkan analisis empat ciri dan penjelasan di atas, jika empat syarat ini dipenuhi, maka menurut perundangan Islam, aset digital boleh diklasifikasikan sebagai *mal zakawi*, iaitu aset yang wajib dizakatkan.

Ijtihad Kontemporari: Menyesuaikan Hukum Zakat Dalam Era Digital

Peranan penting penaakulan perundangan Islam (*ijtihad*) dan analogi (*qiyas*) adalah untuk mengekalkan kerelevanan hukum Islam dalam menangani cabaran zaman. Oleh kerana aset digital merupakan fenomena dan kes perundangan baharu (*nawazil*), para sarjana kontemporari menggunakan alat metodologi ini untuk menentukan status perundangan zakat. Pendekatan ini memastikan bahawa hukum Islam kekal dinamik dan mampu memberikan penyelesaian kepada masalah kontemporari tanpa mengabaikan prinsip asasnya. Salah satu kaedah *ijtihad* yang paling biasa digunakan dalam kes ini ialah *qiyas*, yang menetapkan hukum ke atas kes baharu dengan menganalogikannya dengan kes lama yang sudah mempunyai kedudukan undang-undang kerana persamaan alasan perundangan (*'illah*). Dalam konteks aset digital, majoriti sarjana membuat analogi kepada barang dagangan (*'urud at-tijarah*). Analogi ini berdasarkan tiga persamaan asas:

1. Pemilikan persendirian: Aset digital, seperti barang dagangan, adalah milik individu dan boleh dikawal dan diuruskan sepenuhnya.
2. Boleh diniagakan dan digunakan: Aset digital mempunyai pasaran dan boleh diniagakan untuk keuntungan, seperti komoditi dalam perdagangan.
3. Nilai ekonomi: Aset digital mempunyai kadar pertukaran yang diiktiraf secara umum dan boleh ditukar kepada mata wang fiat, justeru memenuhi kriteria untuk aset berharga.

Memandangkan persamaan ini, analogi memberikan justifikasi *Syari'ah* yang kukuh untuk mengaplikasikan peruntukan zakat perdagangan kepada aset digital yang dipegang untuk tujuan pelaburan atau perdagangan.

Kesepakatan Ulama Dan Fatwa Moden

Kewajipan zakat ke atas kripto berbeza mengikut tafsiran mazhab dan tujuan pemilikan, bergantung pada kadar pertukaran, tempoh pegangan, dan jenis aset. Kajian ini menegaskan keperluan panduan jelas serta peningkatan kesedaran umat Islam dalam menilai dan menunaikan zakat ke atas aset digital secara patuh *Syari'ah* (Uljanah & Revitalina, 2025). Pandangan para ulama terkemuka dan institusi fatwa moden telah mengukuhkan kesahihan kewajipan membayar zakat ke atas aset digital, menunjukkan sokongan padu daripada pihak berkuasa agama global dan nasional.

Figur/Lembaga	Pandangan Kunci tentang Zakat Aset Digital
Yusuf al-Qaradawi	Setiap aset yang mempunyai nilai ekonomi dan potensi pertumbuhan (<i>an-nama`</i>) mesti tertakluk kepada zakat, yang secara eksplisit meliputi bentuk kekayaan baharu.
Monzer Kahf	Zakat sebanyak 2.5% adalah wajib jika syarat-syarat standard dipenuhi: pemilikan penuh, <i>nisab</i> , dan <i>haul</i> yang dikategorikan sama sebagai barang dagangan (<i>urud at-tijarah</i>).
Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke - 42	Bitcoin dianggap sebagai barang dagangan (<i>Urudh al-Tijarah</i>) dan wajib dizakatkan apabila cukup <i>haul</i> dan <i>nisab</i> . Nilai zakat dikira berdasarkan harga terendah Bitcoin dalam setahun ditambah keuntungan dagangan, lalu dikalikan 2.5%. Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk wang tunai atau unit Bitcoin. (Fatwa, 2020)

Implikasi daripada pelbagai pandangan dan fatwa ini adalah jelas: terdapat konsensus yang semakin meningkat di kalangan sarjana Islam dan institusi berwibawa bahawa aset digital yang memenuhi kriteria *Syari`ah* merupakan aset yang tertakluk kepada zakat. Sebaik sahaja asas perundangan dan kesahihan *ijtihad* telah ditetapkan, langkah seterusnya adalah merangka peraturan praktikal yang jelas dan garis panduan *Syari`ah* untuk pelaksanaannya.

Kerangka Kerja Kawal Selia Dan Garis Panduan *Syari`ah* Untuk Pelaksanaan Zakat Digital

Kewujudan peraturan dan garis panduan *Syari`ah* yang jelas untuk zakat digital adalah penting. Tanpa penyeragaman, terdapat risiko kekeliruan dalam kalangan orang ramai, potensi penyelewengan dana, dan keraguan tentang kesahihan pembayaran zakat mereka. Oleh itu, rangka kerja kawal selia ini dibentangkan sebagai penyelesaian untuk memastikan pelaksanaan zakat aset digital adalah selaras dengan *Syari`ah*.

Analisis Peranan Penting Institusi Kutipan Zakat

Pelaksanaan zakat digital yang bertanggungjawab dan telus sangat bergantung pada peranan institusi pengurusan zakat rasmi, seperti Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) dan Lembaga Amil Zakat Nasional (LAZNAS), yang merupakan institusi kutipan zakat di Indonesia. Institusi ini memegang tanggungjawab penting untuk memastikan dana zakat diuruskan secara profesional dan diagihkan dengan sewajarnya.

1. Menyediakan Arahan Teknikal: BAZNAS dan LAZNAS dikehendaki mengeluarkan garis panduan yang jelas tentang cara menukar nilai aset digital kepada mata wang fiat (cth. Rupiah) semasa mengira zakat.
2. Mengira Zakat: Memandangkan harga aset digital yang sangat tidak menentu, pengiraan zakat mestilah berdasarkan nilai pasaran semasa pada masa zakat perlu dibayar bagi menegakkan prinsip keadilan.
3. Memastikan Pelaporan dan Ketelusan: Institusi zakat mesti memastikan sistem pelaporan yang telus untuk penerimaan dan pengagihan dana zakat daripada aset digital bagi membina kepercayaan orang ramai dan mencegah potensi penyalahgunaan.

Pengurusan aktif institusi ini adalah penting untuk menterjemahkan prinsip fiqh abstrak kepada sistem yang boleh dipercayai dan memberi impak sosial, sekaligus menegakkan objektif undang-undang Islam (*maqasid al-Syari`ah*) dalam ekonomi digital. Menangani jurang perbincangan fiqh zakat ini, Institusi zakat di Malaysia seperti **Lembaga Zakat Selangor (LZS)** dan **Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis** berperanan penting dalam menetapkan hukum dan pelaksanaan zakat ke atas mata wang kripto. Kedua-duanya mengiktiraf kripto sebagai harta

bernilai (*al-mal al-mutaqawwim*) yang wajib dizakatkan apabila memenuhi syarat *nisab* dan *haul*. LZS turut menegaskan bahawa zakat dikenakan berdasarkan tujuan pemilikan, sama ada sebagai mata wang (*al-sarf*) atau barang dagangan (*urud al-tijarah*). Pendekatan ini mencerminkan usaha institusi zakat menyesuaikan prinsip fiqh dengan realiti ekonomi digital semasa serta memastikan kepatuhan terhadap hukum *Syari'ah*. (Tunai Zakat, 2024) Asas utama yang menjadi tunjang kepada pendirian LZS boleh dirumuskan kepada dua prinsip utama:

1. Pengiktirafan sebagai Harta (*al-Mal*): LZS secara asasnya mengklasifikasikan mata wang kripto sebagai sebahagian daripada kategori harta (*al-Mal*) yang bersifat *al-Mutaqawwim*, iaitu harta yang diiktiraf mempunyai nilai dari segi syarak. Berpaksakan prinsip ini, zakat secara automatik diwajibkan ke atasnya berdasarkan dalil-dalil umum al-Qur'an dan Sunnah yang mewajibkan zakat ke atas harta.
2. Klasifikasi Dwi-Kategori: Apa yang menjadikan pendekatan LZS unik dan pragmatik ialah pengkategorian hukum zakat mata wang kripto berdasarkan jenis dan niat pemilikan. LZS tidak meletakkannya secara mutlak dalam satu kategori, sebaliknya membahagikannya kepada dua kemungkinan: sama ada sebagai Barangan Dagangan (*Urud Tijarah*) atau sebagai Mata Wang (*al-Sarf*).

Pendekatan dua kategori ini bukan sahaja bersifat pragmatik, tetapi juga mencerminkan satu bentuk *ijtihad* yang matang dan berasaskan sintesis ilmiah. Hal ini kerana ia mengiktiraf kebenaran kedua-dua pandangan ulama yang telah dibincangkan sebelumnya, di samping mengaplikasikannya secara kontekstual berdasarkan niat serta fungsi sebenar aset digital tersebut. Pendekatan ini secara jelas menunjukkan kepekaan dan kefahaman mendalam Lembaga Zakat Selangor (LZS) terhadap kepelbagaian sifat dan kegunaan aset digital dalam ekosistem kewangan semasa.

Kesimpulan

Analisis komprehensif ini mengesahkan bahawa kewajipan membayar zakat ke atas aset digital mempunyai asas perundangan yang kukuh, berakar umbi dalam prinsip universaliti dalam al-Qur'an dan diperincikan dalam hadis. Asas ini dioperasikan dalam konteks moden melalui alat metodologi persamaan (*qiyas*) oleh para sarjana kontemporari, menghasilkan kerangka perundangan untuk mengklasifikasikan aset digital sebagai aset wajib zakat (*mal zakawi*) di bawah syarat-syarat tertentu. Kewujudan garis panduan *Syari'ah* yang jelas dan peranan aktif pengumpul zakat di setiap wilayah bukan sahaja bertujuan untuk mencegah pelanggaran tetapi juga mewakili usaha proaktif untuk mengekalkan kesucian dan fungsi sosioekonomi zakat. Dengan peraturan yang jelas, zakat akan terus menjadi instrumen keadilan, penyucian kekayaan, dan pengurangan kemiskinan yang relevan, tanpa mengira evolusi bentuk kekayaan dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Basarud-DIN, S. K., & Abdullah, N. S. N. (2023). *Can Bitcoin be used for Zakat Payment?. International Journal of Economics & Management*, 17(2).
- Hamdani, L. (2020). *Zakat blockchain: A descriptive qualitative approach. EkBis: Jurnal Ekonomi Dan Bisnis*, 4(2), 492-502.
- Herman, H., Husna, J., Biddinika, M. K., Yulianto, D., Fitriah, F., & Suwanti, S. (2024). *Kerangka Sistem Aset Digital Pada Infrastruktur Blockchain Yang Sejalan Dengan Syari'ah Islam. JIPI (Jurnal Ilmiah Penelitian dan Pembelajaran Informatika)*, 9(2), 768-781.
- Ismail, N., & Ismail, N. (2025). Zakat di era digital: potensi dan cabaran pembayaran melalui mata wang kripto. *Buletin FPN S3*.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2020, January 14). *Fatwa zakat ke atas aset digital Bitcoin (BTC). Mufti Perlis*. Retrieved from <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/217-fatwa-zakat-ke-atas-aset-digital-bitcoin-btc>
- Jalal, S., & Abdullah, A. S. C. (2024). *Challenges of Collecting Zakat on Digital Assets: A Case Study of Selected States Kuala Lumpur, Selangor, and Perlis. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 32-48.
- Kahf, M. (2020). *Zakah on Cryptocurrencies*. Retrieved from <http://monzer.kahf.com>
- Muhaimin. (2025, Oktober 22). *Zakat saham dan aset digital: Fiqih baru di era kripto. BAZNAS Kota Yogyakarta*. Retrieved from <https://baznas.jogjakota.go.id/detail/index/43890/zakat-saham-dan-aset-digital-fiqih-baru-di-era-kripto>
- Muneeza, A., Bin-Nashwan, S. A., Abdel Moshin, M. I., Mohamed, I., & Al-Saadi, A. (2023). *Zakat payment from cryptocurrencies and crypto assets. International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 16(3), 482-497.
- Mustajap, S. I. *Rangka Kerja Pemasaran Aset Digital Berasaskan Non-Fungible Token Kepada Penghasil Seni Visual (Pvart-Nft) Di Malaysia*.
- Omar, N., & Khairi, K. F. (2021). *Zakat and blockchain: A review. International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2 December), 60-66.
- Permana, H., Irham, M. I., & Hamdani, M. F. (2025). *Transaksi dan zakat cryptocurrency: Harta digital perspektif hukum positif dan fikih kontemporer. Journal of Science and Social Research*, 8(3), 4294-4305.
- Rashid, Z. A. N., Nasir, N. M., Ahmad, N. H., & Opir, A. (2024). *Peranan Fatwa Kontemporari Dalam Dakwah Zakat Masa Kini Di Negeri Selangor: Contemporary Fatwa in Present Zakat Preaching in The State of Selangor. Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(2), 1-11.
- Riau, S. S. A. K. (2025). *Perbandingan Fatwa-Fatwa Ulama Tentang Jual Beli Non-Fungible Token (Nft)*.
- Siregar, A. S. H. (2018). *Sumber Keuangan Negara Menurut Imam Al-Mawardi: Jurnal Hukum Pidana dan Ketatanegaraan Islam*, 8(1)
- Tarmizi, L. (2018, November 15). *Bayan Linnas Siri ke-153: Hukum penggunaan mata wang bitcoin. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from [https://muftiwp.gov.my/ms/Tunai Zakat](https://muftiwp.gov.my/ms/Tunai%20Zakat).
- Tunai Zakat. (2024, November 26). *Kripto wajib dizakatkan. Tunai Zakat Selangor*. Retrieved from <https://tunaizakat.my>
- Uljanah, N., & Revitalina, Y. (2025). *Hukum Zakat Terhadap Cryptocurrency Dalam Pengelolaan Harta Digital. Jurnal Multidisiplin Dehasen (MUDE)*, 4(2), 339-344.
- Usmani, M. T. (2013). *An introduction to Islamic finance. Karachi: Idaratul Ma'arif*.
- Yusof, M. F., Rasid, L. A., & Masri, R. (2021). *Implementation of zakat payment platform for cryptocurrencies. AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 17-31.

Yusuf al-Qaradawi. (2005). *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in the Light of Qur'an and Sunnah*. Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.